



20 JUN, 2025

Revolusi bukan jalanan

Sinar Harian, Malaysia



Revolusi bukan jalanan



DESAS
DESUS

ELVIZA MICHELE KAMAL

Revolusi jarang bermula dengan kekerasan tetapi lazimnya di dapur. Pada 1789, ketika roti jadi terlalu mahal untuk proletariat Paris, istana Versailles masih leka dalam pesta. “*Let them eat cake,*” kata Marie Antoinette – bukan sebagai dasar tetapi *epitaph* yang menzhahirkan jurang antara kuasa dan rakyat.

Lantas, Peristiwa Bastille telah menyalakan api revolusi yang merebak ke seluruh Perancis, menggulingkan monarki dan mengubah sejarah.

Hari ini Malaysia belum sampai di ambang revolusi tetapi retaknya sudah kelihatan - Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperluaskan sekali lagi (kali pertama pada 2024), subsidi bahan api RON95 bakal ditamatkan dan tarif elektrik naik 14 peratus – semua itu telah atau dijangka berlaku pada suku ketiga dan

keempat 2025.

Mulai Julai ini, cukai berantai SST bakal dirasai di segenap sudut kehidupan rakyat. Bermula dengan garam di dapur hingga ke air laut, daripada buah-buahan ke bahan kitar semula, hampir seluruh barang keperluan kini dikenakan cukai SST, yang diperluas kali kedua sepanjang tiga tahun pemerintahan Kerajaan Madani.

Hasil peluasan SST, Kementerian Kewangan dijangka mengutip RM10 bilion dalam enam bulan pertama pelaksanaan. Dalam matematik mudah, untuk tahun pertama peluasan skop SST, kerajaan akan mengutip RM20 bilion (atau lebih) setahun.

Lebih banyak barangan dicukai, lebih besar hasil kutipan. Senarai barangan dikecualikan SST yang dahulunya setebal 320 muka surat dengan lebih 8,000 barang, kini tinggal sepertiga sahaja.

Bukak setakat SST, tarif elektrik juga bakal dinaikkan sekali lagi bermula Julai tahun ini. Walaupun kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menegaskan kenaikan disasarkan kepada pengguna T20 serta sektor industri, kesannya masih berantai. Harga pengeluaran akan meningkat dan pengguna bakal me-

nanggung perbezaan melalui barang serta perkhidmatan yang lebih mahal.

Di persimpangan ini, saya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menggesa agar kenaikan tarif elektrik dapat dibekukan. TNB yang mencatatkan kenaikan untung 53.5 peratus suku pertama 2025, sudah pasti mampu menanggungkan kenaikan 14 peratus itu tanpa menjejaskan prestasi untung rugi.

Selepas SST dan tarif elektrik, subsidi bahan api RON95 juga bakal ditarik balik. Harga bahan api itu akan diapungkan mengikut harga minyak semasa. *South China Morning Post (SCMP)* melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan meneruskan penyeselaran subsidi tahun ini – walaupun berdepan tentangan domestik.

Menjelang 2026 pula, kerajaan dijangka mengenakan cukai baharu – cukai karbon – ke atas syarikat menghasilkan pelepasan gas hijau bagi mengurangkan pencemaran dan menjana hasil negara.

Walaupun dibentangkan sebagai insentif hijau, implikasinya tetap *gargantuan*. Industri besar akan dikenakan bayaran atas pelepasan karbon tetapi seperti resam mana-mana perniagaan, kos itu

akan dialirkan ke bawah dan akhirnya ditanggung pengguna.

Di sini jelas terlihat corak pentadbiran kerajaan dalam mengurus fiskal dan perbelanjaan negara, hutang terus men-canak dari RM332 bilion pada 2022 kepada RM421 bilion (2025), namun penyelesaian dipilih bukan melalui penjimatan atau reformasi sebaliknya membebaskan rakyat dengan cukai, tarif dan penarikan subsidi.

Pendekatan fiskal kerajaan nampaknya enteng sekali, jika tidak mampu mengawal perbelanjaan sendiri, cari cara untuk memerah lebih hasil daripada kantong rakyat. Bila segalanya dikenakan cukai, daripada cahaya lampu ke setitik minyak masak maka yang tinggal hanyalah udara.

Bila rakyat mula membayar untuk bernafas sejarah mengajar kita satu perkara, kejatuhan tidak bermula di Parlimen, ia bermula di dapur. Cukai bukan jenayah tetapi apabila dilaksanakan secara menyeluruh dan bertindih, maka ia bukan lagi dasar tetapi sosok penindasan dalam helaian birokrasi.

**Elviza pernah menulis untuk dua Perdana Menteri. Sekarang tinggal di Shah Alam bersama anakanda Luqman*